Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 9, e001746
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1746

Kerangka Penggunaan Peta Alir dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Bahasa Cina

(A Framework for Using Flow Map in Learning Chinese Narrative Essay Writing)

Teoh Lee Lin[1*], Ng Miew Hoon[2]

[1]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: teohleelin@gmail.com
[2]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: miewhoon@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Teoh Lee Lin
(teohleelin@gmail.com)

KATA KUNCI:
Peta alir
Penulisan karangan naratif Bahasa Cina
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

KEYWORDS:
Flow map
Narrative essay writing Chinese
Chinese national-type primary school

CITATION:
Teoh, L. L., & Ng, M. H.. (2022). Kerangka Penggunaan Peta Alir dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Bahasa Cina. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(9), e001746. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1746

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam pembelajaran Bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Pemupukan kebolehan menghasilkan penulisan yang baik dalam kalangan murid sekolah rendah adalah amat penting kepada peningkatan literasi bahasa dan keupayaan pembelajaran. Namun demikian, kemahiran menulis paling sukar dipelajari dan dikuasai oleh murid sekolah rendah kerana melibatkan tahap literasi dan proses kognisi yang tinggi dan kompleks. Dalam usaha pembaharuan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017), merangsang minat dan keupayaan murid dalam penulisan karangan telah menjadi tumpuan para guru Bahasa Cina. Melalui penggunaan peta alir, murid dapat mengembangkan idea penulisan, membina struktur penulisan dengan menyeluruh, serta menguasai kemahiran menghasilkan penulisan dengan cekap. Berdasarkan ini, kerangka penggunaan peta alir secara praktikal dalam pembelajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina bagi murid Tahap II dicadangkan dalam kajian ini agar dapat menggalakkan murid belajar penulisan dengan lebih seronok, inovatif dan bermakna. Melalui kerangka penggunaan peta alir yang dicadangkan, penggunaan peta alir diintegrasikan dalam amalan pedagogi yang sejajar dengan pembelajaran abad ke-21. Kerangka ini juga memberi pencerahan Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978) dan kaedah asas penggunaan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina di SJKC. Dengan itu, kajian ini dipercayai mampu memberi implikasi yang bernilai kepada para guru yang ingin menambah baik kaedah pengajaran mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

Writing skills are one of the language skills that must be learned by all students in learning Chinese at the Chinese national-type primary school (SJKC). Cultivating the ability to produce good writing skills among primary school students is very important to improving language literacy and learning ability. However, writing skills are the most difficult language skills for primary school students to learn and master because it involves a high and complex level of literacy and cognition. In the effort to reform the Standards-Based Curriculum for Primary School (KSSR) (Revised 2017), stimulating students' interest and ability in writing essays has been the focus of Chinese teachers. Through the use of flow map, students can develop writing ideas, build a comprehensive writing structure, and master the skills of producing writing efficiently. Based on this, a framework for the practical use of flow map in writing Chinese narrative essays for Level II students is proposed in order to encourage students to learn writing in a more fun, innovative and meaningful way. Through the proposed flow map framework, the use of flow map is integrated into pedagogical practices that are aligned with 21st century learning. This framework also sheds light on Vygotsky's Social Constructivism Theory and basic methods of using flow map to write Chinese narrative essays at SJKC. With that, this study is believed to be able to give valuable implications to teachers who desire to improve their teaching methods.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberi pendedahan kepada kerangka penggunaan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina bagi murid Tahap II di SJKC. Diharap kajian ini dapat menyumbang kepada kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan sedia ada, serta memberi panduan kepada guru dalam pengajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina.

1. Pengenalan

Pada era globalisasi ini, sistem pendidikan merupakan tunjang utama dalam pembangunan negara yang berfungsi sebagai asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global. Pembaharuan pendidikan telah diperdebatkan secara meluas dalam era pendidikan komparatif akibat penyebaran *Global Education Reform Movement* (GERM) (Sahlberg, 2016). Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi pendidikan terhadap keseluruhan sistem pendidikan, iaitu pendidikan prasekolah hingga lepas menengah dengan memperkenalkan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Transformasi sistem pendidikan negara dalam bidang kurikulum persekolahan penting dalam pembangunan modal insan berkualiti tinggi serta berperanan sebagai pemangkin terhadap pembangunan sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah disemak semula dan seterusnya dinamakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) untuk memenuhi dasar baharu di bawah PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Kurikulum Bahasa Cina memainkan peranan yang sangat penting dalam pendidikan sekolah rendah, khasnya bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Hal ini demikian kerana Bahasa Cina berperanan sebagai medium pengantar pembelajaran dan pemudahcaraan di SJKC bagi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

semua mata pelajaran kecuali Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2019). Walaupun Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2020, namun pentaksiran penulisan masih diteruskan kerana KPM telah memperkasakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sebagai kaedah pentaksiran murid (Sanusi, 2021). Menurut DSKP Bahasa Cina SJKC bagi tahun empat, lima dan enam, matlamat utama KSSR (Semakan 2017) Bahasa Cina digubal untuk membolehkan murid mempunyai asas berbahasa yang kukuh; menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis; berketerampilan dalam berbahasa; mengaplikasikan Bahasa Cina untuk belajar dan berfikir, berkomunikasi, memproses maklumat dan penulisan; serta mengamalkan semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018, 2019, 2021). Oleh itu, pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina di SJKC memberi penekanan kepada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa yang memberi peluang kepada murid memperkembangkan keupayaan secara menyeluruh melalui penguasaan kemahiran berbahasa.

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (Semakan 2017) Bahasa Cina SJKC bagi murid Tahap II, elemen menghasilkan penulisan melibatkan penulisan perenggan, penulisan diari dan surat tidak rasmi, serta penulisan karangan jenis naratif, ekspositori dan deskriptif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018, 2019, 2021). Dalam usaha melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan penulisan karangan naratif dengan berkesan, pembaharuan pelaksanaan kurikulum harus dijalankan serta mengaplikasikan kaedah pembelajaran abad ke-21. Guru yang berperanan sebagai ejen transformasi perlu memahami, mendalami dan melaksanakan standard kurikulum serta mengintegrasikan alat pembelajaran yang bersesuaian dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Dengan itu, pembelajaran penulisan karangan naratif akan dapat dilaksanakan dalam suasana yang menyeronokkan serta keadaan yang lebih terarah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Penulisan Karangan Naratif

Penulisan merupakan satu proses membina pemikiran untuk meluahkan idea dan fikiran dengan orang lain. Seseorang murid yang mempunyai keupayaan penulisan akan dapat berkomunikasi dengan orang lain dan masyarakat dengan lebih mudah, serta dapat memberi implikasi yang mendalam kepada perkembangan kerjaya masa depan murid. Maharani et al. (2018) mengutarakan bahawa penulisan adalah sejenis kemahiran integratif yang melibatkan proses yang bermakna, membina, dan kompleks. Ia memerlukan pengetahuan, kemahiran dan strategi untuk membolehkan murid menguasainya (Wang, 2019). Dalam kurikulum Bahasa Cina SJKC, pembelajaran penulisan di sekolah rendah bertujuan untuk melatih murid merasai kehidupan, mendekati kehidupan dan mencapai penulisan bebas, di samping memupuk minat dan keyakinan murid untuk menghasilkan penulisan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Melalui pembelajaran penulisan, murid dapat memperkayakan imaginasi, meluahkan emosi sebenar, dan belajar menyatakan idea yang berbeza (Luo, 2005; Wang, 2021). Ini bermakna pembelajaran penulisan secara tidak langsung dapat mengembangkan kebolehan ekspresi bahasa dan kebolehan berfikir.

Penulisan karangan naratif merupakan salah satu jenis penulisan yang paling asas, biasa dan penting yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina bagi murid Tahap II di peringkat sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018, 2019, 2021). Ia boleh dikatakan sebagai prasyarat untuk mempelajari gaya penulisan yang lain. Penulisan karangan naratif berkait rapat dengan penceritaan atau penerangan tentang orang, peristiwa, pemandangan dan benda (Wang, 2021). Wang (2021) menghujahkan bahawa murid perlu membuat penerangan yang jelas tentang orang, peristiwa, pemandangan dan benda dalam penulisan karangan naratif untuk meluahkan fikiran dan perasaan serta mencerminkan kehidupan. Sehubungan dengan itu, guru Bahasa Cina perlu membimbing murid menghasilkan penulisan karangan naratif dengan meluahkan sesuatu yang pernah dilihat, didengar, dirasai


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan dialami. Hal ini bertepatan dengan Chen (2021) dan Luo (2005) yang mengutarakan murid perlu mengaplikasikan lima deria, iaitu mendengar, melihat, menghidu, menyentuh dan merasa dalam penulisan agar membolehkan pembaca merasai sesuatu yang ingin sampaikan. Maka, murid dikehendaki meluahkan pemikiran dengan jelas, tepat dan kreatif dalam penulisan, di samping memastikan penulisan yang dihasilkan difahami oleh pembaca.

Penulisan karangan naratif mempunyai enam unsur yang perlu diberi perhatian semasa menghasilkan penulisan (Lian et al., 2022a). Enam unsur tersebut merujuk kepada watak, masa, tempat, permulaan, perkembangan, dan pengakhiran. Dari perspektif struktur penulisan karangan naratif pula, ia terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu pendahuluan, perkembangan dan penutup (Chen, 2021). Setiap struktur penulisan tersebut perlu dibahagikan mengikut proses perkembangan peristiwa atau kepada perubahan isi, watak, adegan, dan emosi. Walaupun penulisan karangan naratif tidak mempunyai format yang tertentu, namun perlu diingatkan bahawa ia mesti memenuhi tujuan penulisan dan idea utama kehendak tajuk (Lian et al., 2022b; Teo et al., 2020; Yee & Chin, 2019). Penulisan pada setiap perenggan juga harus sentiasa berkisar pada tajuk serta mengelakkan daripada kandungan yang tidak berkaitan dengan tema. Oleh itu, Wang (2021) berpendapat bahawa penggunaan ekspresi komprehensif yang fleksibel boleh menjadikan penulisan karangan naratif lebih ekspresif dan menarik.

Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, guru Bahasa Cina memikul berperanan yang sangat penting dalam usaha membudayakan kebolehan ekspresi penulisan murid. Guru Bahasa Cina boleh cuba mengintegrasikan alat pembelajaran yang bersesuaian, seperti peta pemikiran untuk meningkatkan keupayaan penulisan murid. Dengan itu, diharap murid sekolah rendah akan mempunyai asas penulisan yang kukuh sebelum meneruskan pembelajaran mereka di sekolah menengah. Rajah 1 menggambarkan carta aliran penulisan Bahasa Cina di SJKC yang diadaptasikan daripada Luo (2005).

Rajah 1: Carta Aliran Penulisan Bahasa Cina



Sumber: Diadoptasi daripada Luo (2005)

2.2. Penggunaan Peta Alir

Peta pemikiran ialah alat pembelajaran yang diperkenalkan oleh David Hyerle pada tahun 1988 (Hyerle, 1993). Ia berperanan sebagai alat bahasa yang membantu meningkatkan keupayaan pembelajaran (Hyerle, 2014; Hyerle & Yeager, 2007). Pada tahun 2012, peta pemikiran

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diperkenalkan dan disarankan dalam Malaysia melalui program peta pemikiran i-THINK supaya para guru dapat mengintegrasikannya dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Sejajar dengan itu, pembelajaran yang menjurus ke arah penyelesaian secara kreatif dan kritis, kemahiran berfikir aras tinggi serta pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dapat dilaksanakan. Ini bererti penggunaan peta pemikiran dapat merentas kurikulum secara bermakna serta dapat memperkasakan penyampaian pembelajaran dan pemudahcaraan.

Peta alir pula merupakan salah satu daripada lapan bentuk peta pemikiran i-Think yang diperkenalkan oleh KPM. Ia sesuai digunakan untuk mengaitkan proses pemikiran yang bersifat urutan (Hyerle & Alper, 2014). Penggunaan peta alir adalah satu strategi alternatif praktikal yang selalu digunakan dalam pembinaan struktur penulisan kerana dapat menyusun idea secara teratur (Abdul Rahman & Zamri, 2019; Mohamad Zabhi et al., 2020; Tong, 2019). Selari dengan itu, penyusunan buku teks Bahasa Cina SJKC bagi tahun empat, lima dan enam dalam pembelajaran penulisan telah mengintegrasikan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif (Lian et al., 2022b; Teo et al., 2020; Yee & Chin, 2019). Namun demikian, cara pelaksanaannya tidak didedahkan secara menyeluruh dalam pembelajaran penulisan karangan naratif. Dengan itu, ia memerlukan guru mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang tertentu dalam pelaksanaannya. Maka, kajian ini telah mencadangkan enam langkah pelaksanaan penggunaan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif. Keenam-enam langkah tersebut dijelaskan seperti berikut:

i. Langkah 1: Mengenal pasti kehendak tajuk dan keperluan kandungan penulisan
   Pada langkah satu, guru perlu membimbing murid menyemak kehendak tajuk penulisan dengan tepat dan memahami kata kunci soalan dengan betul. Langkah ini adalah prasyarat yang memberi peluang kepada murid untuk menganalisis keperluan kandungan sebelum memulakan penulisan.

ii. Langkah 2: Mengaktifkan pemikiran untuk melengkapkan peta alir
   Pada langkah ini, murid bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk melengkapkan peta alir. Murid akan bergiat aktif untuk mengemukakan isi penulisan dan struktur penulisan. Idea yang sesuai dan berguna akan dipilih, serta ditulis pada peta alir dengan menggunakan kata kunci.

iii. Langkah 3: Membentangkan peta alir
   Setelah peta alir dilengkapkan dalam kumpulan kecil, ketua kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan peta alir yang dilengkapi. Dengan itu, idea penulisan atau rangka penulisan karangan naratif akan dibentangkan untuk mengenal pasti kesesuaian idea dengan kehendak tajuk penulisan.

iv. Langkah 4: Menerima maklum balas daripada guru atau rakan sekelas
   Selepas pembentangan, murid daripada kumpulan tersebut akan menerima maklum balas atau cadangan daripada guru atau rakan sekelas. Sebarang pertanyaan dan perbincangan juga boleh dikemukakan pada langkah ini. Oleh itu, kumpulan pembentangan yang mempunyai kemusykilan terhadap maklum balas yang diterima juga akan diperjelaskan pada langkah ini.

v. Langkah 5: Menyemak semula dan mengubahsuai peta alir selepas mendapat maklum balas
   Kemudian, murid mengubahsuai peta alir mengikut keperluan masing-masing dengan berdasarkan maklum balas yang diterima. Pengubahsuaian ini akan membolehkan murid mempunyai pemahaman yang lebih jelas terhadap keperluan kandungan yang akan dihasilkan selepas itu.


vi. Langkah 6: Memindahkan idea yang ditulis pada peta alir ke dalam penulisan. Pada langkah terakhir, murid akan cuba memindahkan idea penulisan yang ditulis pada peta alir ke dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penulisan. Dengan itu, murid tidak akan merasa takut untuk memulakan penulisan kerana sudah mempunyai idea untuk menghasilkan penulisan.

Sebagai rumusan, penggunaan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif secara tidak langsung akan dapat meningkatkan minat dan keyakinan murid, serta memaksimumkan kecekapan pembelajaran. Keenam-enam langkah pelaksanaan tersebut boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada para guru, khususnya guru baharu dalam pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan penulisan karangan naratif. Dengan pelaksanaan langkah tersebut, guru dapat memastikan pembelajaran penulisan karangan naratif dapat dijalankan dengan sistematik dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Langkah pelaksanaan ini juga membolehkan murid mempunyai matlamat yang jelas untuk menghasilkan penulisan karangan naratif dengan lebih mudah dan terancang. Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah penggunaan peta alir dalam pembelajaran penulisan karangan naratif.

Rajah 2: Enam Langkah Penggunaan Peta Alir Dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif



2.3. Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky


Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978) merupakan salah satu teori pembelajaran yang popular dalam perbincangan tentang perspektif sosiobudaya dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (Tudge & Winterhoff, 1993). Vygotsky merupakan orang pertama yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengaitkan bahawa interaksi sosial mempengaruhi perkembangan kognitif (Kurt, 2020). Interaksi sosial dilihat sebagai kuasa utama yang penting dalam memacu perkembangan kognitif, murid dianggap sebagai individu yang memerlukan bimbingan dan sokongan daripada guru atau rakan sebaya yang lebih berkeupayaan. Sehubungan dengan itu, warga pendidik telah mengaitkan idea Vygotsky yang berkaitan dengan hubungan sosial dalam pembelajaran untuk meningkat perkembangan murid. Hal ini bertepatan dengan Wrenn dan Wrenn (2009) yang menyatakan bahawa teori pembelajaran berupaya membantu guru mewujudkan suasana pembelajaran dan pemudahcaraan yang memfokuskan secara langsung kepada keperluan dan kebolehan murid. Sejajar dengan itu, para guru digalakkan untuk menawarkan pengajaran yang sepadan dengan tahap perkembangan mental, budaya dan keupayaan murid dalam pembelajaran.

Salah satu ciri utama Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978) merangkumi *Zone Proximal Development* (ZPD). Semasa pembelajaran dijalankan, ZPD ialah ruang aktiviti utama antara tahap pembangunan pembelajaran potensi (di bawah bimbingan orang yang lebih berkeupayaan) dengan tahap perkembangan pembelajaran sebenar (tanpa bantuan dalam penyelesaian masalah) (Vygotsky, 1978). Dalam ZPD, aspek interaksi sosial diberi penekanan dalam proses pembelajaran. Namun demikian, ZPD menghargai asas pendidikan yang berpusatkan murid serta menjelaskan bahawa perkembangan individu ke arah hasil pembelajaran keseluruhan berkait rapat dengan *More Knowledgeable Other* (MKO) (Newman & Latifi, 2021). MKO pula merupakan guru atau rakan sebaya yang lebih berpengetahuan yang mampu membantu murid mencapai sesuatu pembelajaran dengan lebih baik. Ini bererti murid perlu bersikap aktif dalam proses interaksi pembelajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, ZPD boleh dikatakan tunjang pedagogi pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid, di samping memberi peluang kepada murid belajar secara kumpulan. Konsep ZPD daripada Vygotsky (1978) ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Konsep ZPD daripada Vygotsky



2.4. Kerangka Konseptual Penggunaan Peta Alir Dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif


Secara umumnya, kerangka konseptual boleh difahami sebagai rangka kerja penyelidikan yang membolehkan pengkaji merancang pelaksanaan kajian secara konsisten serta mendapatkan sesuatu yang diharapkan dalam sesebuah penyelidikan. Menurut Swaen dan George (2022), kerangka konseptual berperanan sebagai garis panduan untuk memandu pelaksanaan sesebuah penyelidikan. Dalam konteks kajian ini, murid tidak merasa asing terhadap penggunaan peta pemikiran dan pembelajaran penulisan karangan naratif. Hal ini disebabkan peta pemikiran banyak diintegrasikan dalam Buku Teks Bahasa Cina SJK. Pada masa yang sama, pembelajaran penulisan karangan naratif juga digubal dalam standard kurikulum Bahasa Cina. Dengan itu,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

murid Tahap II di SJKC mempunyai pengetahuan sedia ada terhadap penggunaan peta pemikiran dan pembelajaran penulisan karangan naratif.

Dari aspek pendekatan pembelajaran, penggunaan peta alir diaplikasikan dalam kajian ini. Peta alir dipilih kerana sesuai dengan penulisan karangan naratif yang mempunyai perkembangan idea penulisan secara berurutan. Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1987) juga diintegrasikan dalam pendekatan pembelajaran agar dapat memandu murid meningkatkan pencapaian penulisan karangan naratif. Maka, murid akan menerima bimbingan daripada guru atau rakan sekelas dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Rajah 4 menggambarkan kerangka konseptual penggunaan peta pemikiran terhadap pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Cina.

Rajah 4: Kerangka Konseptual Penggunaan Peta Alir terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Cina.



3. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mencadangkan kerangka penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina bagi murid Tahap II di SJKC. Dalam usaha menambah baik strategi pembelajaran dan pemudahcaraan menghasilkan penulisan sedia ada, enam langkah penggunaan peta alir telah dicadangkan oleh pengkaji untuk dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Keenam-enam langkah tersebut dicadangkan untuk mengubah suasana pembelajaran sedia ada menjadi lebih kondusif serta menggalakkan murid bergiat lebih aktif dalam pembelajaran. Ia juga boleh dijadikan garis panduan untuk membantu guru meneroka pengalaman baru dalam pengajaran serta mempelbagaikan teknik pengajaran. Penguasaan terhadap langkah-langkah tersebut juga akan melahirkan murid yang lebih berdikari dalam pembelajaran untuk menjurus ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia atas tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan, rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan responden yang memberi kerjasama dalam menjayakan penulisan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak memohon bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdul Rahman, A. F., & Zamri, M. (2019). Teknik Lakaran Bersama Peta Alir i-Think Meningkatkan Kemahiran Menjana Idea Murid Etnik Lun Bawang dalam Karangan Autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *9*(1), 12–22. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/188

Chen, H. L. (2021). *Ershi Tang Shizhan Zuowen Ke二十堂实战作文课*. Young Writers小作家教室.

Hyerle, D. (1993). *Thinking Maps As Tools for Multiple Modes of Understanding*. [Unpublished doctoral dissertation].University of California.

Hyerle, D. (2014). *Thinking Maps: A Visual Language for Learning. In Knowledge Cartography*. Springer.

Hyerle, D., & Alper, L. (2014). *Student Successes with Thinking Maps* (2nd ed). Corwin.

Hyerle, D., & Yeager, C. (2007). *Thinking Maps: A Language for Learning Training Resource Manual*. Cary, NC Thinking Maps, Inc.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Laporan Tahunan 2016: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Bahasa Cina SJKC Tahun 4*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Bahasa Cina SJKC Tahun 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran : Bahasa Cina SJKC Tahun 6*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kurt, S. (2020). *Lev Vygotsky:Sociocultural Theory of Cognitive Development*. https://educationaltechnology.net/lev-vygotsky-sociocultural-theory-of-cognitive-development/

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2019). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-peraturan & Undang-undang Terpilih (hingga 01hb Disember 2019)*. International Law Book Services.

Lian, T. S., You, H. H., & Choo, C. L. (2022a). *Buku Panduan Guru Bahasa Cina SJKC Tahun 6*. Penerbitan Bangi Sdn Bhd.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lian, T. S., You, H. H., & Choo, C. L. (2022b). *Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun 6*. Penerbitan Bangi Sdn. Bhd.

Luo, H. Y. (2005). *Shiyong Xiaoxue Huayu Jiaoxuefa实用小学华语教学法*. Penerbitan Budiman Sdn. Bhd博文出版有限公司.

Maharani, S., Fauziati, E., & Supriyadi, S. (2018). An Investigation of Writing Strategies Used by the Students on the Perspective Language Proficiency and Gender. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, *5*(5), 185–190. https://doi.org/10.18415/IJMMU.V5I5.364

Mohamad Zabhi, M. Z. I., Othman, S., Jamian, A. R., & Mohd Sabil, A. (2020). Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu Tingkatan Tiga Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *9*(2), 14–26.

Newman, S., & Latifi, A. (2021). Vygotsky, Education, and Teacher Education. *Journal of Education for Teaching*, *47*(1), 4–17. https://doi.org/10.1080/02607476.2020.1831375

Sahlberg, P. (2016). The Global Educational Reform Movement and its Impact on Schooling. In and A. V. K. Mundy, A. Green, B. Lingard (Ed.), *Handbook of Global Education Policy* (pp. 128–144). Wiley.

Sanusi, R. M. (2021). *Mansuh UPSR: KPM perkasa Pentaksiran Bilik Darjah*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/135936/BERITA/Nasional/Mansuh-UPSR-KPM-perkasa-Pentaksiran-Bilik-Darjah

Swaen, B., & George, T. (2022). *What Is a Conceptual Framework?* https://www.scribbr.com/methodology/conceptual-framework/

Teo, Z. Y., Yee, S. Y., & Chin, S. M. (2020). *Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun 5*. Beh-Er Publication Sdn Bhd.

Tong, X. (2019). *The Application of Knowledge Visualization to Writing in Task Section in Junior Middle School*. (Unpublished Master's dissertation).Jiangsu Normal University.

Tudge, J. R. H., & Winterhoff, P. A. (1993). Vygotsky, Piaget, and Bandura: Perspectives on the Relations between the Social World and Cognitive Development. *Human Development*, *36*, 61–81.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society:The Development of Higher Psychological Processes (M. Cole, V. Jolm-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman, Eds.)*. Harvard University Press.

Wang, R. S. (2021). *Yuwen Kecheng Yu Jiaoxue Neirong语文课程与教学内容*. Zhongguo Renmin Daxue Chubanshe中国人民大学出版色.

Wang, X. (2019). Keshihua Jiaoxue Zai Yingyu Xiezuo Zhong De Yunyong可视化教学在英语写作中的运用. *English on Campus校园英语, (2)*, 97–98.

Wrenn, J., & Wrenn, B. (2009). Enhancing Learning by Integrating Theory and Practice. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, *21*(2), 258–265. https://www.isetl.org/ijtlhe/pdf/ijtlhe727.pdf

Yee, S. Y., & Chin, S. M. (2019). *Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun 4*. Beh-Er Publication Sdn Bhd.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).